

Usaha berterusan perkokuh struktur khidmat awam

Kuala Lumpur: Usaha berterusan perlu dilakukan bagi memperkokuh struktur perkhidmatan awam agar kekal mampan, responsif dan sejajar dengan keperluan semasa negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perkara itu dibangkitkan beliau sewaktu mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembaharuan Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2025, semalam.

“Susulan kejayaan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Fasa 1 dan melalui proses libat urus yang berterusan, pelbagai cadangan inisiatif dasar baharu perkhidmatan awam telah dibincangkan.

“Ini termasuk mengenai mobiliti dan portabiliti penjawat awam, demi memastikan mereka lebih berdaya saing di masa hadapan,” kata beliau menerusi catatan di Facebook.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya pembaharuan itu harus dilaksanakan secara teliti dan inklusif, dengan mengutamakan kepentingan rakyat, kebajikan penjawat awam serta kemampuan fiskal negara.

SSPA menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 mengutamakan prestasi perkhidmatan awam dan mendahulukan kebajikan penjawat awam.

Ia dirangka sebagai satu sistem saraan yang berteraskan kepada aspek prestasi, selaras dengan hasrat untuk memastikan peningkatan produktiviti dalam perkhidmatan awam dan menjaga kesejahteraan pegawai, prinsip pemberian ganjaran berasaskan prestasi dan tatakelakuan.

Di bawah SSPA, pegawai Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang memilih skim berkenaan, akan menerima pelarasan gaji sebanyak 15 peratus secara berfasa iaitu lapan peratus bagi Fasa 1 pada Disember 2024, manakala tujuh peratus untuk Fasa 2 pada Januari 2026.

Sementara itu, Kumpulan Pengurusan Tertinggi akan menerima pelarasan gaji tujuh peratus dengan empat peratus bagi Fasa 1 dan tiga peratus bagi Fasa 2. BERNAMA